

# PM harap hubungan Malaysia, Kyrgyz lebih akrab

**BERITA HARIAN**

04 APR 2024

ms. 8


**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berharap hubungan di antara Malaysia dengan Republik Kyrgyz, akan lebih akrab pada masa hadapan.

Beliau berkata, banyak peluang terbuka untuk diteroka dalam hubungan antara Malaysia dengan negara berkenaan, terutama memperkukuh hubungan dagangan dan pelaburan dua hala.

Anwar memaklumkan demikian selepas menerima kunjungan Menteri Luar Negeri Republik Kyrgyz, Zheenbek Kulubaev, di pejabatnya kelmarin.

“Saya yakin bahawa lawatan ini akan membuka ruang bagi kolaborasi dan mencetus kerjasama yang lebih substantif antara kedua-dua negara,” katanya menerusi hantaran dalam akaun Facebook semalam.

Selain itu, beliau turut menzahirkan penghargaan terhadap jemputan Presiden Republik Kyrgyz untuk melawat negara itu pada Mei. BERNAMA



Perdana Menteri menerima kunjungan Zheenbek Kulubaev, di pejabatnya kelmarin.